



## KENYATAAN MEDIA

### JPPM KOMITED MEMASTIKAN SETIAP ADUAN DISIASAT SECARA TELUS, ADIL DAN BERINTEGRITI

---

**PUTRAJAYA, 7 April** – Merujuk kepada laporan media berhubung dakwaan penyelewengan serta salah guna kuasa melibatkan beberapa pertubuhan di Negeri Kelantan, Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPPM) ingin menjelaskan kedudukan seperti berikut:

JPPM telah menerima aduan bertulis berkaitan isu pengurusan kewangan dan tadbir urus pertubuhan pada tahun 2017 dan 2018. Setiap aduan yang diterima telah direkodkan secara rasmi dan siasatan menyeluruh telah dijalankan serta diselesaikan pada tahun yang sama, selaras dengan peruntukan di bawah Akta Pertubuhan 1966, perlembagaan pertubuhan serta prosedur pentadbiran yang berkuat kuasa.

Siasatan tersebut merangkumi penelitian dokumen berkaitan serta representasi daripada pihak-pihak terlibat. Berdasarkan hasil siasatan, tindakan penguatkuasaan yang bersesuaian telah diambil terhadap pertubuhan berkaitan mengikut peruntukan undang-undang sedia ada. Pemakluman rasmi juga telah disampaikan kepada pengadu berhubung hasil siasatan tersebut.

Selain itu, JPPM sentiasa bekerjasama dengan agensi penguatkuasaan lain termasuk Polis Diraja Malaysia serta agensi berkaitan sekiranya diperlukan bagi memastikan setiap aduan ditangani secara menyeluruh, telus dan adil.

Sehubungan itu, orang ramai dan pihak berkepentingan adalah dinasihatkan agar tidak membuat sebarang spekulasi atau menyebarkan maklumat yang tidak disahkan kerana ia boleh menjejaskan integriti proses siasatan serta reputasi pihak-pihak yang terlibat. Sebarang pertanyaan lanjut hendaklah disalurkan melalui saluran rasmi jabatan.

JPPM ingin menegaskan bahawa jabatan ini tidak berkompromi terhadap sebarang bentuk salah laku. JPPM kekal komited dalam memastikan ketelusan, akauntabiliti dan integriti dalam pengurusan serta pemantauan pertubuhan demi kepentingan awam.

**JABATAN PENDAFTARAN PERTUBUHAN MALAYSIA**  
**7 April 2026**